

[Laman utama](#) > khidmatkomuniti

Sekolah Terbaik SPM 2023 Negeri Perak : SMKA Sultan Azlan Shah, Bota, Perak hadiri Literasi Maklumat di Perpustakaan Tun Abdul Razak

Perpustakaan UiTM 03, 2024 0 Ulasan

FOLLOW US



TOTAL PAGEVIEWS



KETUA PUSTAKAWAN UITM



Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



3 Ogos 2024 (Sabtu) | 28 Muharram 1446H

Alhamdulillah, satu lagi kolaborasi dalam lipatan sejarah tahun ini melibatkan [Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA Shah Alam](#), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Perpustakaan Tun Abdul Razak menganjurkan Literasi Maklumat Komuniti untuk [SMKA SULTAN AZLAN SHAH](#), Bota, Perak.

Program eksklusif bermula 2 Ogos hingga 4 Ogos 2024 ini merupakan inisiatif memperkasa pembudayaan ilmu dan kemahiran literasi maklumat dalam kalangan komuniti sekolah disertai 37 orang Pengawas Sekolah Tingkatan 3 dan 4 serta diiringi 4 orang guru.

Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk menyuntik semangat, pendedahan awal pembudayaan ilmu peringkat universiti dan pengalaman menikmati suasana sebagai mahasiswa UiTM.

Lawatan bermula di Galeri Tun Abdul Razak yang dikendalikan oleh Puan Roszainatul Haizan Binti Rusili dan seterusnya ke pengisian utama program iaitu Asas Bacaan Pantas dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A.Rahman dan Literasi Maklumat oleh Puan Norazlin Mohd Yusof.

Turut hadir meraikan sekolah pada hari ini, Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan yang menyantuni guru-guru ke Koleksi Khas Jawi dan perkongsian ilmu berkenaan peranan perpustakaan.

Sebelah petang pula, pelajar dan guru diraikan oleh 4 orang warga akademik UiTM yang juga merupakan alumni SMKA Sultan Azlan Shah yang berkongsi memori, pengalaman dan laluan kerjaya mereka sebagai suntikan motivasi kepada para pelajar.

Hari yang sarat dengan pengisian daripada kami untuk anak-anak SMKA Sultan Azlan Shah. Esok, para pelajar akan dibawa menjejak kaki ke kolej-kolej pengajian dan lokasi tumpuan utama kampus UiTM Shah Alam untuk merasai pengalaman *campus life*.

Semoga bermanfaat dan UiTM menjadi sebahagian dari kenangan mereka.

Terima kasih Sukarelawan Perpustakaan [Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi MARA Shah Alam](#) selaku peneraju dan sokongan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk menjayakan program ini.

#uitmdihatiku

#UiTM25Tahun

#MalaysiaMadani

#perpustakaanuitm

#PembudayaanIlmuMembentukAdiwangsa



Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ADDITIONAL INFORMATION

UiTM Hari Ini Dalam Sejarah

Archive Collection

Corporate Memory

Galeri Tun Abdul Razak

UITM NEWS HUB

UiTM Pahang Perkasakan Kebolehpasaran Graduan Menerusi Program Pemeraksanaan Laluan Kerjaya Bersama PERKESO - 8/8/2026

Kolaborasi Antarabangsa UiTM Tapah Perkasakan Penguasaan Fizik Pelajar Melalui Program 'Level Up Your Physics' - 8/8/2026

UiTM Selangor Rangkul Naib Johan Kedua di I-TIE 2026 Indonesia Menerusi Inovasi AI SiswaBites - 8/20/2026

UITM INSTITUTIONAL REPOSITORY (LATEST ADDITION)

A call for policy reform in COPD management in Malaysia: expert opinions and recommendations - 9/8/2026
Aerotechchem Co. - 9/8/2026
MaBox - 9/8/2026

FACEBOOK KETUA PUSTAKAWAN UITM



FACEBOOK PERPUSTAKAAN UITM

INSTAGRAM PERPUSTAKAAN UITM



TWITTER PERPUSTAKAAN UITM

Tweets by uitmlibrary

MOBILEAPP@UITM LIBRARY



MYKNOWLEDGE MANAGEMENT (MYKM)



BLOG ARCHIVE

2026	(124)
2025	(209)
2024	(430)
2023	(175)
2022	(145)
2021	(485)
2020	(572)
2019	(261)
2018	(285)
2017	(215)
2016	(178)
2015	(152)
2014	(47)
2013	(56)
2012	(74)




2011	(134)
2010	(55)
2009	(30)
2008	(2)

POPULAR POSTS



Quote of the day

🕒 Mei 07, 2020



Kertas Soalan Peperiksaan Lepas (Past Year Exam Paper) UiTM Jun 12

🕒 September 12, 2012



Kemas kini Data h-index dan Citation Anda Dalam Masa 5 Minit di PERMATA Perpustakaan UiTM

🕒 Ogos 18, 2026



PTAR Perkukuh Jaringan Global, Terima Kunjungan 75 Delegasi Prince of Songkla University, Thailand

🕒 September 07, 2026



Selamat Menyambut Hari Pustakawan 2017

🕒 Jun 06, 2017

AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UiTM 2024



LIVE@PTAR UITM

Tags

khidmatkomuniti

literasisekolah

SMKA Sultan Azlan Shah

speedreading



Facebook



Twitter



LINKS TO THIS POST

Lihat semua





**Sekolah Terbaik SPM
2023 Negeri Perak :
SMKA Sultan Azlan Shah,
Bota, Perak hadiri
Literasi Maklumat di
Perpustakaan Tun Abdul
Razak**

🕒 August 03, 2024

POST A COMMENT

< Terbaru

Lebih lama >